

**11 Julai 2009(Sabtu)**

## **Timur: Pusat lupus sisa pepejal ancam khazanah marin**

Oleh Shaarani Ismail shaarani@bharian.com.my



**KEGIATAN membuang sampah di Kampung Gelugor menyebabkan pelajar sekolah 'berkawan' dengan ribuan lalat.**

### **Tapak dibuka 2006 jejas hutan bakau, ternakan ikan sangkar**

CHUKAI: Walaupun pelbagai agensi dan badan sukarela mengambil inisiatif untuk memelihara khazanah marin negara termasuk hutan bakau, semangat itu tidak dapat dizahirkan pihak berkuasa di sini apabila sebuah tapak pelupusan yang dibuka di Kampung Gelugor, Kertih bukan saja mengganggu aktiviti sehari-hari penduduk, malah turut menjejaskan ekosistem hutan paya bakau di kawasan itu. Lebih menyedihkan, bersebelahan tapak pelupusan sampah yang mula dibuka pada 2006 itu, terletak beberapa sangkar ikan milik pengusaha tempatan yang kini berhadapan risiko menanggung kerugian ternakan mereka mati berikutan sisa cemar air sampah mengalir ke sungai selepas hujan. Selain memberikan kesan negatif terhadap kualiti air sungai berikutan aliran masuk sisa cemar air sampah, penduduk termasuk pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Gelugor pula terpaksa menghidu bau busuk sampah serta 'berkawan' dengan ribuan lalat yang menjadi fenomena baru yang sangat tidak menyenangkan mereka sejak kewujudan pusat pelupusan itu. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Gelugor, Wan Engah Mohtar, 53, berkata masalah itu bukan hanya membabitkan penduduk Kampung Gelugor tetapi juga dua lagi kampung berhampiran iaitu Kampung Telaga Papan dan Kampung Tengah.

"Masalah yang membelenggu kami adalah gangguan bau busuk dan keadaan menjadi terlalu tidak menyenangkan selepas hujan kerana selain busuk kami juga diserang lalat. Kami juga bimbang pencemaran sisa air sampah akan menjejaskan sumber pencarian penduduk yang bergantung kepada hasil sungai," katanya. Wan Engah berkata, pihaknya sudah mengajukan aduan kepada MPKn (Majlis Perbandaran Kemaman) dan maklum balas yang diterima menyatakan pusat pelupusan sampah itu akan ditutup. "Namun apa yang mengecewakan, sehingga hari ini aktiviti pembuangan sampah masih berterusan dan seolah-olah maklum balas yang mereka nyatakan sebelum ini hanya sekadar menyedapkan

hati penduduk". Wan Engah berkata, kesan daripada aliran sisa cemar air sampah ke dalam sungai berhampiran, pengusaha ikan dalam sangkar di kawasan itu mendakwa banyak benih ikan yang mati berikutan penurunan kualiti air kesan pencemaran daripada pusat pelupusan sampah berkenaan. Katanya, penduduk juga mendapati sejak kebelakangan ini hasil tangkapan mereka semakin berkurangan sedangkan kawasan itu sebelum ini kaya dengan pelbagai spesies ikan serta ketam nipah. "Selain itu, penduduk turut menjalankan aktiviti menanam semula bakau dengan kerjasama Ecocare, sebuah pertubuhan yang diwujudkan dengan kerjasama syarikat berkaitan minyak Optimal dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia untuk memastikan kelangsungan hidupan marin di pesisir pantai Kertih. "Tapak pelupusan sampah di kawasan itu memberi kesan yang negatif dan mengganggu usaha yang dijalankan penduduk terutama untuk menanam semula bakau kerana banyak anak bakau yang mati kerana kualiti air yang tercemar," katanya.

Pengerusi JKKK Kampung Telaga Papan, Jusoh Mamat, 60, pula berkata masalah tapak pelupusan sampah yang mengganggu kehidupan kira-kira 3,000 penduduk sekitar itu sering dibangkitkan dalam setiap mesyuarat JKKK. "Kami sudah muak dengan janji manis MPKn untuk menyelesaikan masalah ini kerana ia masih lagi berlarutan dan sampah masih lagi dibuang di kawasan berkenaan sedangkan dalam surat maklum balas mereka kepada JKKK, masalah itu akan diselesaikan dan kawasan pelupusan sampah akan dipindahkan ke kawasan lain yang lebih bersesuaian. "Bagaimanapun, hingga kini, tiada sebarang perubahan dan tapak pelupusan sampah itu masih terus beroperasi dan memberikan kesan negatif terhadap persekitaran kerana menyebabkan bau busuk dan menjadi tempat pembiakan lalat," katanya.

## **12 Julai 2009 (Ahad)**

### **KPI nasional 6 bidang utama**

Oleh Khirul Bahri Basaruddin [bminggu@bharian.com.my](mailto:bminggu@bharian.com.my)



**NAJIB dan Rosmah melawat pameran sempena majlis '100 Hari Najib Bersama Rakyat 11 Julai 2009' di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.**

### **Semua keputusan penting kerajaan ambil kira luahan rakyat: Najib**

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Nasional yang merangkumi enam Bidang Keberhasilan Utama (KRA), termasuk usaha mencegah jenayah dan memerangi rasuah. KRA lain

termasuk usaha meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan, meningkat taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman, serta menambah baik pengangkutan awam sebagai jangka masa sederhana.

Najib berkata, butiran lanjut akan diumumkan selepas mengadakan pertemuan dengan pegawai kanan kerajaan akhir bulan ini. "Seawal memegang tumpuk pentadbiran tertinggi negara, saya mengumumkan KPI bagi rakyat mengukur pencapaian anggota pentadbiran kerajaan. "Tujuan saya mewujudkan KPI bagi anggota pentadbiran dan anggota perkhidmatan awam ini untuk memastikan terdapat garis panduan jelas kepada kedua-dua penggubal dan pelaksana dasar dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. "Ia juga menyediakan landasan yang jelas kepada rakyat untuk menilai prestasi mereka. Saya percaya langkah ini akan dapat mengukuhkan prinsip kebertanggungjawaban," katanya berucap pada majlis '100 Hari Najib Bersama Rakyat 11 Julai 2009' di Dewan Pameran Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

KPI diwujudkan bagi membolehkan rakyat mengukur pencapaian anggota pentadbiran kerajaan dan untuk memastikan ada garis panduan jelas kepada penggubal dan pelaksana dasar dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Najib berkata, beliau akan bersikap tegas dalam membuat sesuatu keputusan kerana jika tidak ada rakyat akan terumbang-ambing dalam ketidakpastian.

"Pendekatan kerajaan berlandaskan berfikir dan mendengar hasrat serta rintihan rakyat kerana era kerajaan tahu segala-galanya sudah berakhir. Proses mendengar luahan rakyat akan dibuat dalam hampir semua keputusan penting kerajaan, seperti membabitkan kajian mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang mana pendapat awam, Majlis Peguam dan sebagainya akan diambil kira ". Selain itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan komited memerangi jenayah kerana tugas besar itu adalah amanah rakyat. "Jika tidak rakyat akan menuding jari (salahkan kerajaan), bila tiba masa (pilihan raya) akan tahu rakyat. Saya mahu kita bertanggungjawab kepada rakyat Malaysia, " katanya.

## **12 Julai 2009 (Ahad)**

### **Rencana - Model baru pendidikan jawab kebimbangan mansuh PPSMI**

Bersama Zainul Arifin [zainul@NSTP.COM.MY](mailto:zainul@NSTP.COM.MY)



**KEPUTUSAN kerajaan memperkenal model baru pendidikan menggantikan PPSMI bukan untuk menidakkann pentingnya bahasa Inggeris di persada dunia.**

## **Penggunaan bahasa Malaysia di sekolah jenis kebangsaan wajar dipantau**

PELBAGAI sambutan terhasil daripada pemansuhan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), tetapi tumpuan kini sudah tentu ke atas bantahan yang diterima, terutama daripada ibu bapa. Banyak undian dan pungutan suara diadakan yang rata-rata, secara amnya membantah keputusan ini. Malah undian di laman web berbahasa Malaysia pun tidak memberi sokongan padu kepada keputusan ini. Memang kita boleh disangsikan keputusan undian alam maya ini, namun kita tidak boleh menafikan wujud sekumpulan besar rakyat Malaysia, termasuk orang Melayu yang kurang senang dengan keputusan Kementerian Pelajaran.

Kumpulan yang mahukan PPSMI dimansuhkan pula semestinya gembira, oleh itu, tidak perlu banyak menulis atau membuat kenyataan. Kejayaan sudah di tangan, kini masa merai kemenangan. Sebenarnya sesiapa yang mengikuti isu ini tentu sudah dapat menjangka keputusan ini. Jika dikaji, kenyataan-kenyataan sebelum ini seolah-olah muh mempersiapkan kita akan keputusan ini. Contohnya, cadangan untuk menambah dan memperbaiki pengajaran Bahasa Inggeris dengan mementingkan tatabahasa dan sastera, atau cadangan wajib lulus bahasa itu untuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), digubah seolah-olah untuk menunjukkan bahawa pentingnya di dalam perkiraan kerajaan kedudukan bahasa Inggeris di dalam perancangan pendidikan kita.

Namun, sebab utama dasar diubah ialah pencapaian murid untuk mata pelajaran Matematik, Sains atau Bahasa Inggeris tidak menunjukkan perubahan yang ketara dengan PPSMI. Juga didapati terlalu sedikit guru yang melaksanakan PPSMI dengan sepenuhnya. Sama ada keupayaan bahasa Inggeris yang lemah ataupun kasihan kepada murid yang tidak boleh berbahasa Inggeris . Didapati juga jurang pencapaian antara murid di bandar dan luar bandar masih kekal untuk mata pelajaran itu. (Tetapi kita juga perlu ingat jurang antara bandar dan desa wujud juga sebelum PPSMI dan ia mungkin hasil daripada perbezaan sosioekonomi dan bukannya bahasa pengantara. (Kita juga perlu berhati-hati bila merumuskan fenomena ini, kerana kadang-kadang kita bercakap seolah-olah orang luar bandar tiada upaya untuk belajar dan menguasai bahasa Inggeris. Ia tentulah tidak benar kerana banyak tokoh pemimpin, perniagaan dan juga pentadbiran yang dulunya mandi di sungai dan tandas di luar rumah, yang kini menguasai bahasa Inggeris dengan baik.).

Tidak kurang penting juga sebab PPSMI dimansuh ialah kerana terlalu sedikit sokongan orang politik – baik pada pihak kerajaan atau pembangkang. Bagi mereka yang menangguk di air keruh, kini mereka mengkritik pemansuhan PPSMI, walaupun dulu mereka sama berarak menentang polisi itu. Seperkara lain, apakah pendirian pejuang bahasa Melayu mengenai kedudukan bahasa itu di sekolah jenis kebangsaan China dan Tamil? Di sekolah ini, bahasa Malaysia digunakan kurang 20 peratus seminggu. Dengan penambahan waktu untuk Bahasa Inggeris dan Matematik dan Sains diajar di dalam bahasa Mandarin atau Tamil, apakah nasib bahasa Malaysia sebagai bahasa untuk semua rakyat Malaysia. Sebenarnya, bahasa Malaysia ialah bahasa ketiga di sekolah-sekolah ini. Apakah kita hanya mahu menumpukan perhatian kita kepada sekolah kebangsaan yang mana hampir keseluruhan pelajarnya Melayu?

Kini di dalam urusan harian kita akan bertemu rakyat Malaysia yang penguasaan bahasa Malaysia sungguh memalukan. Walaupun sudah bertahun-tahun belajar, bukan saja sebutan pelat, tetapi tatabahasa mereka seakan-akan pekerja asing yang baru turun kapal terbang. Adakah sebab aktivis sekolah Cina dan Tamil adalah rakan seperjuangan dalam pemansuhan PPSMI, maka pejuang bahasa kita hanya menjeling sebelah mata kedudukan bahasa Malaysia di sekolah jenis kebangsaan? Walau bagaimanapun, apa saja pandangan kita mengenai pemansuhan PPSMI, kita patut berterima kasih bahawa keputusan sudah dibuat. Kini kita boleh memandang ke hadapan, mencatur langkah dan bergerak berbanding ketidaktentuan lebih setahun bila PPSMI mula dibincang dengan meluas.

Nyata, keimbangan sebahagian daripada masyarakat adalah hasil daripada persoalan yang berguni-guni terkumpul di kalangan ibu bapa. Soalan-soalan, keimbangan dan kesangsian akan ditokok tambah apabila mereka berjumpa dan berbual. Di kalangan mereka semakin lama berbincang, dirasakan semakin sugul dan malap masa depan anak-anak mereka. "Kenapa kita sanggup menggadai masa depan anak-anak kita yang akan tinggal di dunia yang mana sempadan semakin luput dan di mana pengaruh bahasa Inggeris semakin bertambah?"

"Apakah kita tidak tahu bagaimana bahasa Inggeris membolehkan anak kampung kita menjadi anggota kelas menengah dan mampu berdiri bersebelahan bangsa lain di persada dunia?" Kepada yang kecewa dengan keputusan ini, cubalah cari jalan bagaimana mereka boleh menyumbang kepada model baru pendidikan ini. Adalah lebih baik mereka membantu untuk menyelesaikan keimbangan dengan bekerjasama dengan kementerian. Kini keputusan sudah dibuat dan apa yang perlu dilakukan kerajaan ialah untuk menunjukkan sistem baru yang akan digunakan akan mempunyai kesan lebih baik daripada PPSMI.

Tidak perlu tunggu 2012. Kerajaan perlu memberitahu kita rupa bentuk dan cara model baru pendidikan yang dikatakan akan memberi penyelesaian yang lebih menyeluruh - memartabatkan bahasa Malaysia, memantapkan bahasa Inggeris dan menjayakan pendidikan Sains dan Matematik. Rakyat perlu diyakinkan bahawa keputusan ini wajar dan tindakan seterusnya bukan saja akan menjawab segala persoalan kita, tetapi juga akan melegakan keimbangan kita. Kerajaan perlu tunjukkan kepada kita keputusan ini bukan terhasil daripada desakan politik dan ia berlandaskan kepada keinginan mengadakan masa hadapan yang lebih baik untuk anak-anak kita dan juga untuk bahasa Malaysia.

## **13 Julai 2009 (Isnin)**

### **Dasar saksama**

Oleh Anwar Hussin dan Nazura Ngah [bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)



**NAJIB dan Sayed Munawar pada temu bual khas bertajuk '100 hari Perdana Menteri' di RTM, malam tadi.**

### **Pertimbangan adil untuk faedah semua kaum: Najib**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, pembaharuan yang dilakukan kerajaan dalam tempoh 100 hari beliau menjadi Perdana Menteri, tidak sesekali meminggirkan mana-mana kaum termasuk Bumiputera kerana ia adalah kerajaan rakyat. Najib memberi jaminan yang kerajaan akan memberi pertimbangan yang adil dalam membentuk sebarang dasar supaya semua kaum menikmati faedahnya. "Ucapan saya di Invest Malaysia baru-baru ini, saya nyatakan dasar mikro untuk mencapai sebuah masyarakat yang adil, saksama... maknanya Bumiputera terus terbela, tidak diketepikan, matlamat asal diperjuangkan, apa yang berbeza adalah kaedah atau jalan ke arah mencapai matlamat itu.

"Itu perubahan bersesuaian yang lebih tepat dengan keadaan semasa... bukan ketepikan matlamat yang menjadi impian Bumiputera," katanya dalam temu bual khas di RTM bertajuk '100 hari Perdana Menteri', yang disiar secara langsung, malam tadi. Temu bual yang diacarkan Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar selama sejam itu bermula jam 8.30 malam, memberi fokus kepada pencapaian dan hala tuju kerajaan selepas ini.

Najib memberi contoh yang Bumiputera banyak menjual saham, walaupun diberi bantuan oleh kerajaan dan kini hanya tinggal sedikit saham milik mereka. "Jika kita meneruskan dasar yang ada, kita tidak akan mencapai matlamat Bumiputera menguasai 30 peratus. Kita kini menggunakan pendekatan membantu syarikat Bumiputera yang ada kemampuan berasaskan meritokrasi, yang ada potensi untuk menjadi syarikat lebih besar pada peringkat tempatan dan global. Bukannya yang terima saham dan terus jual," katanya.

Ketika ditanya mengenai slogan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', sama ada sebelum ini terdapat rakyat dipinggirkan, Najib berkata, mungkin ada rakyat yang tidak dibantu kerajaan. "Mungkin ada rakyat yang terpinggir dari segi pertimbangan kerajaan, ketidakadilan. Kerajaan hari ini adalah untuk semua, adil untuk semua dan ketepatan konsep 1Malaysia," katanya.

Najib juga tidak menganggap pembaharuan yang dilakukannya dalam tempoh 100 hari sebagai Perdana Menteri, terlalu pantas kerana Malaysia perlu melakukan transformasi besar dalam perjalanannya sebagai negara maju. Beliau berkata, dasar liberalisasi yang diumumkan baru-baru ini adalah satu pendekatan yang selari dengan dasar yang diputuskan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta). "Liberalisasi perkhidmatan mesti ikut rentak Asean, kedudukan Malaysia lebih tertutup berbanding negara Asean lain. Ini

keadaan yang sukar diterima, tamparan pada imej Malaysia. Sudah sampai masanya kita membuka sub sektor tapi ada yang kita tidak buka dan kita mengawalnya dengan lebih ketat. "Kerajaan meminta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) membantu pengusaha Bumiputera untuk bersaing dengan sektor perkhidmatan. Juga mencari formula bagi mengimbangi Bumiputera dan bukan Bumiputera," katanya.

## **13 Julai 2009 (Isnin)**

### **Timur: UMP, LKPP jalin kerjasama penyelidikan bioteknologi**

Oleh Ainal Marhaton Abd Ghani [bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)

#### **Tumpu hasil selulosa mikro habluran, pertanian dan tenusu**

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli menjalin kerjasama dengan LKPP Corporation Sdn Bhd dalam bidang bioteknologi berdasarkan pelepas kelapa sawit. Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata kerjasama itu merangkumi pelbagai aspek penting bidang penyelidikan seperti pembangunan perintis untuk penghasilan selulosa mikro habluran dan penyelidikan produk pertanian dan tenusu. Beliau berkata, penemuan dan inovasi yang terhasil berpotensi untuk dipatenkan dan seterusnya dikomersialkan. "Kerjasama itu relevan kerana UMP mempunyai kepakaran dalam bidang bioteknologi. "Dengan kepakaran dan sumber yang dimiliki oleh kedua-dua pihak, saya yakin kerjasama yang kukuh dapat dijalankan," katanya ketika berucap pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak di sini, baru-baru ini.

UMP diwakili Daing Nasir sendiri manakala LKPP Corporation Sdn Bhd diwakili Pengarah Urusannya, Datuk Md Adnan Sulaiman. Beliau berkata, selain bidang penyelidikan, peluang seperti peningkatan teknologi, pembangunan modal insan, perkongsian pengetahuan serta pengkomersialan produk dapat dilaksanakan. Daing Nasir berkata, UMP bersedia membantu kerajaan negeri dan agensi di bawahnya termasuk LKPP Corporation Sdn Bhd. "UMP mempunyai kepakaran inovasi, teknologi dan penyelidikan yang boleh dimanfaatkan oleh LKPP bagi meningkatkan mutu pengeluaran dan mempelbagaikan hasil keluaran. "LKPP pula boleh membuka ruang bagi penyelidik dan pelajar UMP menjalankan penyelidikan di kawasan perusahaan berdasarkan kelapa sawit dan perladangan," katanya.

Beliau berkata, kerjasama dengan LKPP antara lain turut membabitkan perkongsian sumber sedia ada untuk aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan serta pembangunan staf dan pelajar. Katanya, ia juga membabitkan aktiviti pertukaran dan penempatan pelajar untuk latihan amali atau penyelidikan, kerjasama dalam pembangunan program atau kursus akademik dan perkongsian tenaga pakar. "Jalinan kerjasama ini juga cukup bermakna kerana LKPP adalah sebuah agensi perusahaan pertanian yang bersifat dinamik, progresif dan moden bagi memajukan sektor pertanian dan bidang ekonomi lain di negara ini," katanya.

**13 Julai 2009 (Isnin)**

## **Sabah&Sarawak: Nelayan Kunak sukar darat ikan**

Oleh Hassan Omar [hassanomar@bharian.com.my](mailto:hassanomar@bharian.com.my)

### **Kegiatan nelayan beralih ke tebing konkrit sejak jeti runtuh tiga bulan**

KUNAK: Selepas berpuluhan tahun membantu menghasilkan sumber perikanan di Sabah, nelayan di sini masih bergelut dengan masalah pendaratan ikan secara sempurna berikutan ketiadaan jeti yang benar-benar memenuhi keperluan itu. Industri perikanan yang berkembang pesat di daerah ini khususnya dan Pantai Timur Sabah amnya sejak beberapa tahun lalu seolah-olah tidak disokong dengan penyediaan jeti sempurna bagi membolehkan nelayan mendaratkan ikan, ketam, sotong dan pelbagai hasil laut yang lain.

Walaupun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) ada menyediakan jeti diperbuat daripada papan di Pasar Ikan Kunak, ia tidak mampu menampung keperluan semasa, apatah lagi akan datang. Kesukaran nelayan mendaratkan hasil laut semakin getir berikutan jeti berkenaan runtuh tiga bulan lalu, sekali gus menyebabkan nelayan tidak mempunyai pilihan, selain terpaksa menggunakan tebing konkrit milik Majlis Daerah Kunak di Kampung Pangkalan untuk mendaratkan hasil laut. Sehubungan itu, Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kunak merayu LKIM menyediakan jeti pendaratan ikan lebih sempurna berbanding sedia ada, bukan setakat memudahkan nelayan mendaratkan hasil tangkapan, malah memajukan industri perikanan di negeri ini.

Pengerusinya, Asiah Hamid menjelaskan, 769 ahli PNK Kunak merayu LKIM membantu menyediakan jeti berkenaan berikutan jeti sedia ada yang disifatkannya kecil dan tidak kukuh, tidak mampu menampung bot laut dalam, bot besar dan kecil serta perahu yang membawa hasil tangkapan. "Daripada keseluruhan ahli itu, kebanyakannya adalah pemilik bot laut dalam, bot besar dan perahu. Antara peralatan digunakan untuk menangkap ikan adalah pukat jerut, pukat tunda, bagang (kelong) dan pukat hanyut. Ada juga yang memancing. "Selain jeti yang sudah runtuh itu, ada juga jeti milik swasta di Pangi. Jeti itu tidak boleh digunakan ahli PNK Kunak kerana ia adalah milik pemilik persendirian yang hanya dikhurasukan untuk bot mereka," katanya kepada Berita Harian, di sini semalam.

Beliau menjelaskan, nelayan terpaksa menghadapi kesukaran menghampiri tebing konkrit berkenaan yang tidak dilengkapi kemudahan untuk bot berlabuh seperti tayar penahan bot, selain mesin penarik bakul yang dimuatkan dengan ikan, udang dan seumpamanya. Asiah berkata, PNK Kunak difahamkan, LKIM bercadang menyediakan peruntukan untuk membaiki jeti yang sudah runtuh itu tetapi ia tidak mungkin mampu menampung keperluan semasa dan akan datang. Beliau berkata, PNK Kunak sudah berbincang dengan LKIM mengenai permohonan berkenaan tetapi belum ada keputusan muktamad, setakat ini.

Sementara itu, Pengurus Besar PNK Kunak, Mohd Daud Mohd Alueh, berkata pembinaan jeti baru amat diperlukan berdasarkan peningkatan jumlah hasil laut yang didaratkan di

jeti Kampung Pangkalan. "Sebanyak 9.134 juta kilogram (kg) atau kira-kira 9,000 tan metrik ikan didaratkan di jeti Kampung Pangkalan dari 1 Ogos 2008 hingga 6 Julai lalu. "Jumlah ini tidak termasuk ikan yang didaratkan di jeti milik swasta di Pangi. Ini membuktikan jeti baru amat diperlukan bagi memastikan industri perikanan di daerah ini terus berkembang," katanya.

Sementara itu, Pemimpin Kemajuan Rakyat (PKR) Kunak, Halid Haron, berkata Pejabat PKR Dewan Undangan Negeri (DUN) Kunak bersikap terbuka mengenai lokasi pembinaan jeti berkenaan sama ada kekal di Kampung Pangkalan atau di lokasi lain. Ini kerana, katanya, jalan masuk ke Kampung Pangkalan tidak ada laluan keluar yang menyebabkan lori mengangkut ikan dan kenderaan individu terpaksa membuat pusingan di kawasan tempat letak kenderaan berhampiran jeti Kampung Pangkalan. Sehubungan itu, katanya, Pejabat PKR memohon LKIM supaya meneliti masalah nelayan terbabit dan membantu mengatasinya dengan menyediakan jeti baru yang lebih sempurna.

## **14 Julai 2009 (Selasa)**

### **Utara: Banjir kilat akibat projek bina landasan berkembar**

Oleh Ridzuan Ahmad [bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)



**CHE HUSSIN menunjukkan parit di belakang rumahnya yang mengundang kepada masalah banjir di Kampung Megat Dewa, di sini, semalam.**

### **Rumah penduduk dua kali naik sejak saliran tertimbus**

AYER HITAM: Lebih 20 keluarga di Kampung Megat Dewa dekat sini, bimbang dengan kejadian banjir kilat yang sering berlaku di kampung mereka sejak projek pembinaan landasan berkembar Ipoh-Padang Besar bermula setahun lalu. Penduduk mendakwa ketiadaan sistem saliran yang teratur dan tindakan kontraktor yang menimbus beberapa saluran air dengan kejadian banjir terbaru kelmarin menyebabkan sebahagian rumah penduduk digenangi air sedalam 0.2 meter serta merosakkan harta benda mereka.

Seorang penduduk, Che Hussin Saad, 40, berkata beliau sudah membuat dua laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kubang Pasu pada 11 April lalu berhubung rumahnya dinaiki air dan sekali lagi pada 12 Mei lalu selepas rumahnya mengalami keretakan akibat pembinaan projek berkenaan. Katanya, sejak pembinaan landasan berkembar itu, rumahnya sudah

dinaiki air dua kali termasuk terbaru kelmarin sehingga mengundang masalah kepada keluarganya yang tinggal di tanah rizab kerajaan negeri sejak 30 tahun lalu.

"Kontraktor perlu lebih bertanggungjawab dalam menangani masalah yang berlaku kepada penduduk kampung dan bukannya mengambil sikap lepas tangan apabila mendapat aduan penduduk. "Setiap kali saya dan beberapa penduduk membuat aduan, mereka memberi pelbagai alasan termasuk tanah kawasan kampung ini yang rendah selain masalah itu bukan di bawah bidang kuasa mereka. "Sebelum ini, banjir tidak pernah berlaku tetapi sejak kerja penambakan tanah dibuat untuk projek itu, sudah dua kali kampung ini dinaiki air," katanya ketika ditemui, semalam.

Che Hussin yang membuka kedai gunting rambut di rumahnya berkata, keadaan yang berlaku itu juga menjelaskan punca pendapatannya kerana pelanggan tidak dapat datang ke rumahnya kerana kedainya dinaiki air. "Saya tinggal di sini sudah lebih 30 tahun bersama isteri dan lima anak yang masih kecil. Lebih RM40,000 saya laburkan untuk membina rumah ini. "Saya bukan hendak membantah pembinaan landasan ini tetapi berilah jawapan yang pasti mengenai status rumah saya sama ada termasuk dalam projek berkenaan. "Sekurang-kurang beri pampasan mengikut nilai rumah ini supaya kami boleh berpindah," katanya.

Sementara itu, Osman Rashid, 35, berkata hujan lebat sejak kelmarin menyebabkan halaman rumahnya dinaiki air sedalam 0.2 meter. Katanya, akibat kerja penambakan tanah di tapak projek itu, air hujan bercampur tanah merah memasuki rumah penduduk. "Saya berharap pihak bertanggungjawab terutama kontraktor dapat menyelesaikan masalah ini dengan segera kerana projek ini mengambil masa lama untuk disiapkan. "Jika masalah ini tidak diselesaikan, rumah kami akan sentiasa dinaiki dan setiap kali hujan lebat. Sebelum ini kalau hujan lebat macam ini, kampung ini tidak pernah dinaiki air," katanya.

## **15 Julai 2009 (Rabu)**

### **85,000 dapat rebat tol**



**SHAZIMAN (kiri) beramah mesra dengan pengguna pertama lebuhraya selepas merasmikan Laluan Terus Tanpa Henti Antara Kuala Lumpur-Pulau Pinang di Plaza Tol Ipoh Selatan, semalam.**

**RM61j disedia bagi bayar diskau mulai Oktober**

IPOH: Kira-kira 85,000 pengguna lebuh raya kelas satu atau kereta yang membayar tol 80 kali atau lebih sebulan dengan menggunakan Touch n' Go dan Smart Tag, layak menuntut rebat 20 peratus, mulai Oktober depan. Menteri Kerjaraya, Datuk Shaziman Abu Mansor, berkata kerajaan dijangka memperuntukkan RM61 juta bagi pembayaran rebat berkenaan dalam tempoh setahun. Beliau berkata, pemberian rebat 20 peratus itu berkuat kuasa 1 September dan mulai 1 Oktober ini pengguna yang layak boleh menebusnya di 136 kaunter pusat jualan kad berkenaan di lebuh raya terpilih. "Pengguna dibenarkan membuat tuntutan bagi tempoh tiga bulan sekali atau sebagainya kerana rebat berkenaan sah sehingga tempoh enam bulan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Laluan Terus Tanpa Henti Kuala Lumpur-Pulau Pinang di Plaza Tol Ipoh Selatan di sini, semalam.

Pemberian rebat itu adalah antara 11 hadiah mesra rakyat yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Sabtu lalu, sempena sambutan 100 hari sebagai Perdana Menteri. Langkah berkenaan bertujuan mengurangkan beban rakyat yang terpaksa membayar tol yang tinggi setiap hari. Difahamkan, jumlah pengguna dan peruntukan untuk subsidi program berkenaan dijangka bertambah apabila lebih ramai pengguna menggunakan Touch n' Go dan Smart Tag. Shaziman berkata, pembayaran diskaun itu akan dibuat dalam bentuk nilai-tambah Touch n' Go atau Smart Tag yang dikredit ke dalam kad berkenaan. "Tempoh sebulan dikira mengikut kalender bulanan dan pembayaran rebat tidak dilakukan melalui tunai, sebaliknya dibayar dalam bentuk diskaun nilai-tambah kad," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, pemberian rebat tol itu hanya sementara sehingga kajian menyeluruh mengenai keberkesanan program berkenaan disiapkan oleh pelbagai agensi termasuk Unit Perancang Ekonomi (EPU). "Program ini dijalankan sebagai tanda keprihatinan kepemimpinan negara, Datuk Seri Najib bagi membantu mengurangkan beban pengguna yang kerap menggunakan lebuh raya," katanya.

Shaziman berkata, pemberian rebat itu merangkumi penggunaan semua lebuh raya dan kerajaan akan memperkenal lebih banyak program pada masa depan untuk keselesaan rakyat seiring dengan konsep 1Malaysia, 'Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan'. Mengenai laluan terus Kuala Lumpur-Pulau Pinang, beliau berkata, ia akan menjadikan lalu lintas di kawasan berkenaan lebih lancar, sekali gus mengurangkan kemalangan. Menerusi laluan itu, pengguna tidak perlu lagi membayar tol di Plaza Tol Ipoh Selatan dan Ipoh Utara untuk mengambil tiket transit dan boleh meneruskan perjalanan masing-masing tanpa banyak gangguan. Laluan itu juga akan mengasingkan pengguna lebuh raya tempatan yang dianggarkan sebanyak 26,000 kenderaan sehari.

## **15 Julai 2009 (Rabu)**

### **Pemansuhan PPSMI muktamad: Alimuddin**

KUALA LUMPUR: Pemansuhan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) adalah muktamad walaupun Kementerian Pelajaran menerima

banyak maklum balas daripada pelbagai pihak yang mahu PPSMI diteruskan. Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, berkata PPSMI akan digantikan dengan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu (MBM) dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBI) seperti diumumkan Menteri Pelajaran, minggu lalu. "Kementerian Pelajaran menerima banyak maklum balas daripada pelbagai pihak mengenai pemansuhan PPSMI dan kita akan kaji serta dibentangkan pada mesyuarat tertinggi. "Walaupun keputusan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pelajaran mengenai pemansuhan PPSMI muktamad, pandangan orang ramai yang mengemukakan pendekatan bagi meningkatkan lagi bahasa Inggeris amat hargai. "Ramai yang mengemukakan pendekatan kepada Kementerian Pelajaran, malah guru yang sudah bersara juga turut menyatakan kesediaan untuk kembali berkhidmat," katanya selepas Majlis Anugerah Nilam Kebangsaan 2009 di sini, semalam.

Mengulas mengenai desakan segelintir pihak yang mahu kerajaan mempertimbangkan penggunaan dwi bahasa bagi pelajar Tingkatan Empat pada 2012 untuk mata pelajaran Sains dan Matematik akan dibentangkan kepada Kabinet dalam masa terdekat ini. "MBM dan MBI akan bermula pada 2012 membabitkan murid Tahun Satu dan Tahun Empat serta pelajar Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat, namun ada yang meminta supaya pelajar Tingkatan Empat diberi peluang menggunakan dwi bahasa kerana mereka akan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada 2013. "Seperti yang Timbalan Perdana Menteri kata, ia perlu dilakukan secara soft landing supaya tidak menjadi kejutan kepada pelajar," katanya.

## **16 Julai 2009 (Khamis)**

### **Ling akui tanda tangani surat sokongan PKFZ**

KUALA LUMPUR: Bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr Ling Liong Sik mengakui menandatangi surat sokongan pertama bagi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) atas nasihat Ketua Setiausaha (KSU) dan penasihat undang-undang kementerian beliau ketika itu. Bagaimanapun, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Seri Azmi Khalid, berkata surat sokongan Ling tidak membabitkan implikasi kewangan kepada kerajaan kerana projek PKFZ pada peringkat awal.

"Kita akan panggil semua bekas menteri, KSU, timbalan dan pegawai Kementerian Kewangan yang terbabit dalam projek PKFZ ini, termasuk sudah pencen, bagi menjelaskan tindakan dan keputusan meragukan dalam isu ini. "Lazimnya, projek besar seumpama PKFZ dibangunkan secara berperingkat tetapi projek ini dibangunkan sekali gus membabitkan belanja yang besar tetapi kini hanya 14 peratus sedia untuk disewa. PAC mahu tahu apa rasional keputusan ini. "Kita dapat ada kepentingan kewangan kerajaan gagal dikawal selia Kementerian Kewangan. Kita mahu siapkan laporan PKFZ untuk dibentangkan pada sesi Parlimen, Oktober ini," katanya selepas inkuiri pertama PAC mengenai PKFZ di Parlimen, semalam.

Selain Ling, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat dijadual memberi keterangan petang ini manakala bekas Menteri Pengangkutan, Tan Sri Chan Kong Choy akan dipanggil minggu depan. Pada Mei 2003, Ling menandatangani surat sokongan pertama kepada Malaysian International Merchant Bankers Bhd dan Pacific Trustees Bhd mengesahkan pembelian tanah oleh Lembaga Pelabuhan Klang (LPK).

## 21 Julai 2009 (Selasa)

### **Sabah & Sarawak: Kompleks pendaratan ikan perlu tapak sesuai**

Oleh Hassan Omar [hassanomar@bharian.com.my](mailto:hassanomar@bharian.com.my)

KUNAK: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bersedia pada bila-bila masa membina kompleks pendaratan ikan dilengkapi peralatan moden di Kunak dan kawasan lain di negeri ini tetapi memerlukan kerjasama kerajaan negeri menyediakan tapak. LKIM menyediakan peruntukan RM7.5 juta untuk membina kompleks berkenaan di beberapa kawasan utama pendaratan ikan di seluruh Sabah tetapi belum mampu melaksanakannya berikutan ketiadaan tanah yang dimiliki kerajaan negeri. Sehubungan itu, LKIM meminta Pengurus Persatuan Nelayan (PNK) di seluruh Sabah bekerjasama dengan Pejabat Daerah dan Ahli Parlimen serta Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) masing-masing untuk membantu organisasi itu mendapatkan tapak daripada kerajaan negeri.

Pengerusinya, Datuk Abdul Rahim Ismail, berkata LKIM memang sedar mengenai ketiadaan walau satu pun kompleks pendaratan ikan sempurna di Sabah berbanding di Semenanjung dan sentiasa berusaha menyediakan kemudahan itu dengan kunci utamanya adalah penyediaan tapak oleh kerajaan negeri. "Saya meminta PNK bekerjasama dengan Pejabat Daerah, Ahli Parlimen dan Adun di kawasan masing-masing untuk membantu LKIM mendapatkan tapak berkenaan daripada kerajaan negeri. "LKIM mendapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan tetapi pelaksanaan pembinaan kompleks pendaratan ikan tertakluk kepada tanah disediakan kerajaan negeri kerana LKIM sendiri tidak memiliki tanah di pinggir pantai," katanya kepada Berita Harian, di sini semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar ini pada 13 Julai lalu mengenai kesengsaraan ahli PNK Kunak mendaratkan ikan di Kampung Pangkalan, berikutan ketiadaan kompleks pendaratan ikan atau jeti yang benar-benar memenuhi keperluan itu. Industri perikanan yang berkembang pesat di Kunak khususnya dan Pantai Timur Sabah amnya, seolah-olah tidak disokong dengan penyediaan jeti sempurna bagi membolehkan nelayan mendaratkan ikan, ketam, sotong dan pelbagai hasil laut yang lain dengan menggunakan peralatan lebih baik seperti kren pengangkat ikan, alat timbang lebih komprehensif dan kawasan menjual ikan kepada pemborong.

Kesukaran nelayan di Kunak untuk mendaratkan hasil laut semakin membebankan selepas jeti LKIM diperbuat daripada kayu di Pasar Ikan Kunak, runtuh pada April lalu, sekali gus menyebabkan nelayan tidak mempunyai pilihan, selain terpaksa menggunakan tebing

konkrit milik Majlis Daerah Kunak di Kampung Pangkalan untuk mendaratkan hasil tangkapan. Sehubungan itu, Pengurus PNK Kunak, Asiah Hamid merayu LKIM menyediakan kompleks pendaratan ikan berbanding yang sedia ada, bukan setakat untuk memudahkan nelayan mendaratkan hasil tangkapan, malah memajukan industri perikanan. Asiah dilaporkan berkata, 769 ahli PNK Kunak merayu LKIM membantu menyediakan jeti berkenaan berikutan jeti sedia ada yang kecil dan tidak kukuh, tidak mampu menampung bot laut dalam, bot besar dan kecil serta perahu yang membawa hasil tangkapan.

**22 Julai 2009 (Rabu)**

## Hospital simpan rekod dalam 14 kabin kontena

Oleh Rafidah Mat Ruzki fidahruzki@bharian.com.my



**KAKITANGAN HTAR, Mohd Nazri menyusun rekod rawatan pesakit dalam stor lama di hospital itu, semalam.**

## Pesakit HTAR tanpa temu janji perlu tunggu sejam

KLANG: Pesakit yang datang untuk rawatan pesakit luar atau nasihat perubatan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah HTAR), di sini dan tidak membuat temu janji terpaksa menunggu sehingga satu jam sebelum rekod perubatan mereka dapat disemak doktor pakar. Petugas hospital HTAR perlu mengambil masa untuk mengambil rekod perubatan mereka kerana ia disimpan di dalam kabin kontena yang terletak di satu kawasan dalam pekarangan hospital itu. Bagaimanapun, bagi pesakit yang sudah membuat temu janji di klinik pakar, rekod perubatan mereka dikeluarkan sehari lebih awal.

Pengarah HTAR, Dr Ghazali Hasni Md Hassan, berkata pada masa sama, pesakit yang datang secara berkala untuk mendapatkan rawatan atau nasihat perubatan juga tidak perlu menunggu lama berikutan rekod mereka juga dikeluarkan sehari lebih awal. Katanya, hospital itu ketika ini menyimpan rekod pesakit di 14 kabin berkunci yang dikawal selia kakitangan hospital manakala aspek kebersihan dan keselamatannya daripada ancaman makhluk perosak dilakukan syarikat penyenggaraan yang dilantik.

"Enam kabin diperuntukkan bagi menyimpan rekod perubatan berusia 18 tahun manakala masing-masing empat kabin untuk rekod berusia 12 tahun dan antara satu hingga tiga tahun. "Selalunya kita menyimpan rekod perubatan sehingga lapan tahun saja kecuali rekod membabitkan kes perundangan perubatan seperti rekod kelahiran, kemalangan dan tragedi, sehingga kes selesai," katanya kepada Berita Harian.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Ting Lai kelmarin yang menyatakan HTAR menggunakan 14 kabin untuk menyimpan rekod perubatan yang memaksa kerajaan untuk melengkapkan hospital kerajaan dengan sistem penyimpanan rekod perubatan secara digital bagi mempercepatkan proses pencarian rekod perubatan pesakit. Katanya, 121 daripada keseluruhan 135 hospital kerajaan di negara ini akan dilengkapi sistem itu. Pada masa ini hanya 14 hospital kerajaan dilengkapi sistem itu. Dr Ghazali Hasni berkata, pegawai perubatan juga berusaha mengurangkan masa menunggu pesakit termasuk membuka kad kesihatan baru jika pesakit menghidap penyakit baru dan tiada kaitan dengan penyakitnya yang pernah dirawat di HTAR.